

PEMANSUHAN HUKUMAN MATI MANDATORI DI MALAYSIA: ANALISIS DARI PERSPEKTIF HAK ASASI MANUSIA DAN KEADILAN JENAYAH

(The Abolition of the Mandatory Death Penalty in Malaysia: An Analysis from the Perspectives of Human Rights and Criminal Justice)

Thurga Vasanthan¹
a193746@siswa.ukm.edu.my

Suhaizad Saifuddin²
suhaizad@ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.^{1&2}

Pengarang koresponden (Corresponding author):²

Rujukan makalah ini (To cite this article): Thurga Vasanthan, & Suhaizad Saifuddin. (2026). Pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia: Analisis dari perspektif hak asasi manusia dan keadilan jenayah. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 38(2), 233–262. [https://doi.org/10.37052/kanun.38\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/kanun.38(2)no2)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has undergone a double-blind peer review process)

Peroleh: Received:	1/12/2025	Semakan: Revised	18/6/2026	Terima: Accepted:	14/7/2026	Terbit dalam talian: Published online:	31/7/2026
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia menerusi Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 merupakan suatu perkembangan penting dalam sistem keadilan jenayah negara. Sebelum pindaan ini dilaksanakan, beberapa kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan statut lain memperuntukkan hukuman mati mandatori tanpa memberikan ruang kepada mahkamah untuk mempertimbangkan faktor mitigasi, tahap pelibatan tertuduh dan keadaan individu dalam penentuan hukuman. Keadaan ini menimbulkan pelbagai perdebatan dari perspektif hak asasi

manusia dan keadilan jenayah, khususnya yang berkaitan dengan hak untuk hidup, keadilan substantif, risiko salah sabitan dan keterbatasan budi bicara kehakiman. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia dari perspektif hak asasi manusia dan keadilan jenayah dengan meneliti perkembangan perundangan, faktor yang mendorong perubahan dasar dan pendekatan penghukuman selepas pelaksanaan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian perundangan doktrinal dan sosioperundangan. Data diperoleh daripada sumber primer, seperti statut perundangan, kes mahkamah, hansard Parlimen dan temu bual separa berstruktur dengan pengamal undang-undang, serta sumber sekunder yang terdiri daripada artikel jurnal, buku akademik dan laporan badan hak asasi manusia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemansuhan hukuman mati mandatori dipengaruhi oleh perkembangan prinsip hak asasi manusia, kebimbangan terhadap risiko kesilapan kehakiman, keperluan untuk memperkukuh keadilan substantif dan peluasan budi bicara kehakiman dalam sistem penghukuman. Analisis kes turut menunjukkan bahawa mahkamah mula menggunakan budi bicara kehakiman secara lebih meluas berdasarkan tahap pelibatan tertuduh, faktor mitigasi dan keadaan setiap kes selepas pemansuhan tersebut. Menerusi kajian ini, pengkaji mencadangkan pembentukan garis panduan penghukuman yang lebih jelas dan konsisten bagi memastikan keseragaman dalam penentuan hukuman selepas pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia. Di samping itu, mekanisme semakan semula kes, serta program rehabilitasi dan integrasi sosial terhadap banduan perlu diperkukuh bagi memastikan pelaksanaan pendekatan baharu ini dapat dilaksanakan secara lebih teratur dan seimbang dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia.

Kata kunci: Hukuman mati mandatori, hak asasi manusia, keadilan jenayah, budi bicara kehakiman, penghukuman, reformasi perundangan

Abstract

The abolition of the mandatory death penalty in Malaysia through the Abolition of Mandatory Death Penalty Act 2023 represents a significant development in the country's criminal justice system. Prior to the amendment, several criminal offences under the Penal Code, the Dangerous Drugs Act 1952, and other statutes prescribed the mandatory death penalty without allowing the courts to consider mitigating factors, the degree of the accused's involvement or the individual circumstances of the case when determining the

appropriate sentence. This situation gave rise to considerable debate from the perspectives of human rights and criminal justice, particularly in relation to the right to life, substantive justice, the risk of wrongful conviction, and the limitations of judicial discretion. Accordingly, this study examines the relevant legal developments, the factors that prompted the policy shift and sentencing approaches following the implementation of the Abolition of Mandatory Death Penalty Act 2023. The study adopts a qualitative approach through doctrinal and socio-legal research designs. Data were obtained from primary sources including statutes, court cases, parliamentary Hansard, and semi-structured interviews with legal practitioners, as well as secondary sources comprising journal articles, academic books, and reports published by human rights organisations. The findings indicate that the abolition of the mandatory death penalty was influenced by developments in human rights principles, concerns over the risk of judicial error, the need to strengthen substantive justice, and the expansion of judicial discretion in sentencing. The case analysis further shows that, following the abolition, courts have begun to exercise judicial discretion more broadly by taking into account the extent of accused's involvement, mitigating factors, and the circumstances of each case. Based on these findings, the study proposes the development of clearer and more consistent sentencing guidelines to promote uniformity in sentencing decisions. In addition, mechanisms for reviewing cases, as well as rehabilitation and social reintegration programmes for prisoners, should be strengthened to ensure that this new approach is implemented in a more orderly and balanced manner within Malaysia's criminal justice system.

Keywords: Mandatory death penalty, human rights, criminal justice, judicial discretion, sentencing, legal reform

PENDAHULUAN

Pemansuhan hukuman mati mandatori menerusi Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 merupakan reformasi penting dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia. Sebelum pindaan ini dilaksanakan, beberapa kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 memperuntukkan hukuman mati mandatori, iaitu hukuman yang wajib dijatuhkan oleh mahkamah sebaik-baik sahaja tertuduh disabitkan kesalahan tanpa memberikan ruang kepada hakim untuk mempertimbangkan faktor mitigasi, tahap pelibatan atau keadaan individu tertuduh

(Thaatchayini Kananatu, 2022). Pendekatan ini menimbulkan pelbagai perdebatan dalam sistem perundangan negara, khususnya yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan prinsip keadilan jenayah.

Dari perspektif hak asasi manusia, hukuman mati mandatori sering dikritik kerana bercanggah dengan prinsip hak untuk hidup yang dijamin di bawah Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan dan diiktiraf dalam pelbagai instrumen hak asasi manusia antarabangsa (Ishay, 2004). Pelaksanaan hukuman secara mandatori tanpa ruang pertimbangan kehakiman turut menimbulkan persoalan yang berkaitan dengan hak terhadap perbicaraan yang adil dan prinsip kesamarataan pada sisi undang-undang. Dalam konteks ini, Nelvitia Purba (2016) menegaskan bahawa hukuman mati menimbulkan konflik terhadap prinsip kemanusiaan kerana negara diberi kuasa mutlak untuk menamatkan nyawa seseorang melalui proses perundangan.

Selain itu, hukuman mati mandatori turut dipersoalkan dari sudut keadilan jenayah kerana pendekatan penghukuman yang bersifat rigid dapat menjejaskan keadilan substantif dalam penentuan hukuman. Hood dan Hoyle (2015) berpandangan bahawa hukuman mati mandatori bercanggah dengan prinsip keadilan jenayah kerana hakim tidak mempunyai kuasa untuk mempertimbangkan faktor mitigasi dan keadaan tertuduh sebelum menjatuhkan hukuman. Keadaan ini menyebabkan tertuduh menerima hukuman yang sama walaupun tahap pelibatan, niat dan latar belakangnya berbeza-beza. Oleh itu, pendekatan penghukuman yang terlalu rigid dilihat tidak lagi selari dengan perkembangan sistem keadilan jenayah moden yang menekankan prinsip perkadaran hukuman dan penentuan hukuman berdasarkan keadaan individu.

Perdebatan mengenai hukuman mati mandatori di Malaysia menjadi makin signifikan apabila pelbagai organisasi, seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Amnesti Antarabangsa Malaysia (Amnesty International Malaysia), Majlis Peguam Malaysia (Malaysian Bar) dan Rakyat Malaysia Menentang Hukuman Mati dan Penyeksaan (Malaysians Against Death Penalty and Torture), menyuarakan kebimbangan terhadap risiko salah sabitan, ketidakadilan hukuman dan keterbatasan budi bicara kehakiman dalam kes yang melibatkan hukuman mati. Pada masa yang sama, terdapat pandangan yang mempertahankan hukuman mati atas alasan kepentingan pencegahan jenayah berat dan perlindungan keselamatan awam. Keadaan ini menunjukkan bahawa isu hukuman mati mandatori melibatkan pertentangan antara kepentingan penguatkuasaan undang-undang, perlindungan hak asasi manusia dan prinsip keadilan jenayah.

Walaupun pelbagai kajian terdahulu membincangkan hukuman mati dari sudut sejarah, politik perundangan dan hak asasi manusia, masih terdapat jurang kajian dalam penelitian pemansuhan hukuman mati mandatori secara khusus dari perspektif hak asasi manusia dan keadilan jenayah selepas pemansuhan hukuman mati mandatori. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan perdebatan umum mengenai hukuman mati atau keberkesanannya sebagai mekanisme pencegahan jenayah berbanding dengan penelitian terhadap implikasi reformasi tersebut terhadap hak untuk hidup, budi bicara kehakiman dan keadilan substantif dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk menganalisis pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia dari perspektif hak asasi manusia dan keadilan jenayah. Penulisan ini memfokuskan isu hak untuk hidup, prinsip keadilan substantif dan peluasan budi bicara kehakiman dalam penentuan hukuman selepas pelaksanaan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023. Analisis dalam kajian ini berasaskan beberapa prinsip utama, iaitu hak untuk hidup, keadilan substantif dan kepentingan budi bicara kehakiman, dalam sistem keadilan jenayah moden.

KAJIAN LEPAS

Perbincangan mengenai hukuman mati mandatori di Malaysia merupakan wacana yang kompleks dan multidimensi yang melibatkan aspek sejarah perundangan, dasar keselamatan negara, hak asasi manusia, keadilan jenayah dan perkembangan sistem penghukuman moden. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelaksanaan hukuman mati mandatori tidak boleh dilihat semata-mata sebagai isu perundangan, sebaliknya perlu difahami dalam konteks sejarah, struktur sosial, tekanan antarabangsa dan perubahan paradigma keadilan jenayah.

Dari sudut sejarah, perkembangan hukuman mati di Malaysia mempunyai kaitan rapat dengan warisan sistem perundangan kolonial British (Anie Farahida Omar et al., 2025). Harring (1991) dalam kajiannya mengenai dasar perang terhadap dadah (war on drugs) menjelaskan bahawa hukuman mati mandatori bagi kesalahan pengedaran dadah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada strategi negara untuk mengekang ancaman dadah yang dianggap dapat menggugat kestabilan sosial dan pembangunan negara. Kajian tersebut menunjukkan bahawa hukuman mati bukan sekadar instrumen penghukuman jenayah, tetapi juga alat dasar awam yang digunakan bagi membentuk tingkah laku sosial melalui pendekatan

pengecahan umum. Pendekatan ini selaras dengan strategi negara Asia pada era tersebut yang lebih menekankan keselamatan kolektif berbanding dengan hak individu.

Selanjutnya, Thaatchaayini Kananatu (2022) menjelaskan bahawa hukuman mati di Malaysia merupakan warisan kolonial British yang telah melalui pelbagai fasa penelitian dan kritikan dalam sejarah moden. Pengkaji tersebut menghuraikan bahawa evolusi hukuman mati sangat dipengaruhi oleh politik pembentukan naratif antara pihak yang menyokong pemansuhan hukuman mati (abolitionists) dengan yang menyokong pengekalan hukuman mati (retentionists). Thaatchaayini Kananatu turut menekankan bahawa fasa era 1970-an hingga era 1980-an merupakan detik penting apabila kerajaan Malaysia mula membingkai hukuman mati sebagai instrumen “keselamatan negara” melalui kempen “perang terhadap dadah”. Pendekatan ini menyebabkan pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952 pada tahun 1983 yang mewajibkan hukuman mati mandatori bagi kesalahan pengedaran dadah demi memelihara kestabilan dan keselamatan negara. Hasil kajian ini memberikan dimensi baharu bagi memahami politik hukuman mati di Malaysia melalui teori pembentukan kerangka naratif. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa golongan pembela hak asasi manusia menggunakan kerangka hak asasi dan ketidakadilan bagi menekankan risiko salah sabitan, kelemahan proses perbicaraan dan pelanggaran hak untuk hidup. Sebaliknya, pihak yang menyokong pengekalan hukuman mati menggunakan kerangka keselamatan negara dan keadilan terhadap mangsa bagi mempertahankan pelaksanaan hukuman tersebut.

Dalam konteks hak asasi manusia, Ishay (2004) menegaskan bahawa hak untuk hidup merupakan hak asasi paling asas dalam kerangka hak asasi manusia moden. Hak tersebut turut diiktiraf pada peringkat antarabangsa melalui Artikel 3 Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia 1948 (UDHR) dan Artikel 6 Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik 1966 (ICCPR). Dalam konteks perundangan Malaysia, prinsip tersebut mendapat pengiktirafan melalui Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan nyawanya kecuali menurut undang-undang. Mahkamah persekutuan dalam kes *Lee Kwan Woh lwn. Public Prosecutor* [2009] 5 *MLJ* 301 turut menegaskan bahawa hak di bawah Perkara 5 perlu ditafsirkan secara luas dan substantif selaras dengan prinsip keadilan.

Pendekatan hak asasi manusia menekankan bahawa sistem keadilan jenayah perlu mengambil kira faktor kemanusiaan, latar belakang pesalah

dan potensi pemulihan sebelum sesuatu hukuman dijatuhkan. Dalam konteks ini, hukuman mati mandatori sering dikritik kerana mengehadkan kuasa budi bicara hakim dalam penentuan hukuman. Mahkamah diwajibkan untuk menjatuhkan hukuman mati sebaik-baik sahaja tertuduh disabitkan kesalahan tanpa mengambil kira faktor mitigasi, tahap keterlibatan atau keadaan individu tertuduh (Azman Mohd Nor, 2008). Keadaan ini menimbulkan persoalan terhadap prinsip keadilan substantif kerana semua tertuduh menerima hukuman yang sama walaupun tahap kesalahan dan latar belakangnya berbeza-beza.

Ramalinggam Rajamanickam dan Thiyagu Ganesan (2012) berpandangan bahawa pendekatan penghukuman yang terlalu rigid dapat menjejaskan pertimbangan kemanusiaan dan prinsip keadilan individu dalam sistem keadilan jenayah. Selain itu, Antolak-Saper et al. (2020) pula meneliti isu hak perbicaraan adil dalam kes hukuman mati, khususnya bagi kesalahan yang berkaitan dengan dadah. Pengkaji tersebut mendapati bahawa kewujudan prinsip anggapan undang-undang, seperti anggapan berganda dalam kes dadah, berpotensi untuk menjejaskan prinsip asas undang-undang jenayah, iaitu anggapan tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah. Penemuan ini menimbulkan persoalan mengenai keserasian antara hukuman mati mandatori dengan prinsip keadilan substantif dan piawaian perbicaraan adil pada peringkat antarabangsa. Pengkaji tersebut turut menekankan bahawa sistem penghukuman yang terlalu rigid dapat meningkatkan risiko salah sabitan yang tidak dapat diperbetulkan sekiranya hukuman mati telah dilaksanakan.

Lim Chee Han et al. (2018) pula menegaskan bahawa kesilapan kehakiman dalam kes hukuman mati bukanlah sesuatu yang mustahil untuk berlaku. Pengkaji tersebut menunjukkan bahawa kelemahan dalam proses penyiasatan, analisis bukti dan representasi guaman dapat meningkatkan risiko salah sabitan. Dalam konteks hukuman mati, kesilapan kehakiman mempunyai implikasi yang sangat serius kerana hukuman tersebut bersifat muktamad dan tidak dapat diperbetul selepas pelaksanaannya.

Kajian empirikal mengenai profil banduan hukuman mati turut menunjukkan kewujudan dimensi sosial dalam pelaksanaan hukuman mati. Laporan Amnesty International Malaysia (2019) menunjukkan bahawa sebahagian besar banduan hukuman mati terdiri daripada golongan sosioekonomi rendah, etnik minoriti dan warga asing yang berhadapan dengan kekangan bahasa, serta capaian terhadap bantuan guaman berkualiti. Di samping itu, Harry (2021) mengenal pasti bahawa sebahagian besar wanita yang dijatuhi hukuman mati terlibat dalam kesalahan dadah disebabkan oleh tekanan ekonomi dan faktor kerentanan

sosial. Penemuan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan hukuman mati mempunyai implikasi sosial yang lebih luas dan berkait rapat dengan isu ketidakseimbangan sosial.

Perkembangan semasa menunjukkan perubahan paradigma dalam sistem keadilan jenayah daripada pendekatan punitif kepada pendekatan yang lebih menekankan keadilan restoratif dan rehabilitasi. Muzammil Quraishi (2020) menegaskan bahawa sistem kriminologi moden makin bergerak ke arah pendekatan yang lebih seimbang antara kepentingan negara, hak mangsa dan hak pesalah. Pendekatan ini menunjukkan bahawa sistem keadilan jenayah tidak lagi melihat hukuman semata-mata sebagai alat pembalasan, tetapi juga sebagai mekanisme pembaikan sosial dan pemulihan pesalah.

Dari sudut persepsi masyarakat, Hood (2012) mendapati bahawa sokongan masyarakat terhadap hukuman mati tidak bersifat mutlak dan bergantung pada jenis kesalahan jenayah. Kajian tersebut menunjukkan bahawa sokongan terhadap hukuman mati lebih tinggi bagi kesalahan jenayah kekerasan berbanding dengan kesalahan yang berkaitan dengan dadah. Penemuan ini membuktikan bahawa persepsi masyarakat terhadap hukuman mati dipengaruhi oleh faktor emosi, tahap keseriusan jenayah dan persepsi ancaman terhadap keselamatan awam.

Amirah Khadijah Khurun Hizar et al. (2025) meneliti pelaksanaan pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia melalui pendekatan perbandingan dengan United Kingdom yang memansuhkan hukuman mati sepenuhnya sejak tahun 1969. Pengkaji tersebut mengenal pasti beberapa faktor utama yang mendorong perubahan dasar di Malaysia. Antaranya termasuklah tekanan norma hak asasi manusia antarabangsa, kebimbangan terhadap risiko salah sabitan dan keperluan untuk memperkukuh budi bicara kehakiman dalam penentuan hukuman. Kajian ini turut menegaskan bahawa reformasi ini dipengaruhi oleh peralihan paradigma sistem keadilan jenayah daripada pendekatan punitif kepada pendekatan yang lebih menekankan keadilan kontekstual, pemulihan pesalah dan perlindungan maruah manusia. Selain itu, tekanan diplomatik antarabangsa, perubahan persepsi masyarakat dan perkembangan standard global dalam sistem keadilan jenayah moden turut menyumbang keputusan pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia.

Dari perspektif kehakiman, pemansuhan hukuman mati mandatori memperluas ruang budi bicara hakim dalam penilaian faktor mitigasi, latar belakang pesalah dan tahap pelibatan dalam sesuatu kesalahan. Dari sudut penguatkuasaan undang-undang pula, reformasi ini memerlukan pendekatan pembuktian yang lebih teliti dan pengurusan bukti yang lebih

sistematik bagi memastikan sabitan kesalahan dapat dicapai tanpa terlalu bergantung pada hukuman mandatori. Kajian tersebut turut menegaskan bahawa pelaksanaan reformasi memerlukan pembangunan garis panduan penghukuman yang jelas, mekanisme pemantauan hukuman alternatif dan pengukuhan program pemulihan pesalah.

Pemansuhan hukuman mati mandatori turut dilihat sebagai langkah penting dalam pengukuhan prinsip individualisasi hukuman dalam sistem keadilan jenayah. Mahkamah tidak lagi terikat untuk menjatuhkan hukuman mati secara automatik, sebaliknya diberi ruang untuk menilai tahap keterlibatan tertuduh, faktor mitigasi dan keadaan khusus setiap kes sebelum menentukan hukuman yang bersesuaian. Dalam konteks kesalahan dadah misalnya, pindaan undang-undang membolehkan tertuduh yang hanya mempunyai peranan kecil atau bertindak sebagai “keldai dadah” dipertimbangkan secara lebih adil (Rafidah Mat Ruzki & Mohd Anwar Patho, 2022). Laporan Parlimen 2023 menunjukkan bahawa hampir 84% daripada pemohon semakan hukuman mati terdiri daripada individu yang dikategorikan sebagai “keldai dadah” atau mempunyai pelibatan minimum dalam jenayah pengedaran dadah (Antolak-Saper et al., 2020). Keadaan ini menunjukkan bahawa sistem hukuman mati mandatori sebelum ini berpotensi untuk menyebabkan hukuman yang tidak seimbang terhadap tahap pelibatan sebenar tertuduh.

Walaupun pemansuhan hukuman mati mandatori disokong oleh pelbagai pihak atas alasan hak asasi manusia dan keadilan substantif, terdapat kebimbangan dalam kalangan masyarakat tentang implikasi reformasi tersebut terhadap keselamatan awam. Hood (2012) yang mengkaji persepsi awam menunjukkan bahawa sokongan masyarakat terhadap hukuman mati bergantung pada jenis kesalahan dan faktor mitigasi yang dikemukakan kepada responden. Dalam konteks Malaysia, tinjauan media oleh Kumpulan New Straits Times Press (NSTP) pada tahun 2018 yang melibatkan lebih 22,000 responden mendapati bahawa 82% responden menolak cadangan pemansuhan hukuman mati mandatori, manakala hanya 18% menyokong langkah tersebut (Fazrik Kamarudin, 2018). Antara kebimbangan utama yang dibangkitkan termasuklah kemungkinan peningkatan kadar jenayah berat, seperti pembunuhan dan pengedaran dadah, sekiranya hukuman mati tidak lagi dilaksanakan secara mandatori.

Namun demikian, statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 2024 menunjukkan bahawa kadar jenayah kekal stabil dan beberapa kategori jenayah tertentu menunjukkan penurunan selepas reformasi dilaksanakan (Ercy Gracella Ajos, 2025). Penemuan ini menunjukkan

bahawa keberkesanan pencegahan jenayah tidak semata-mata bergantung pada hukuman mati, sebaliknya turut dipengaruhi oleh aspek penguatkuasaan undang-undang, keberkesanan siasatan dan kecekapan sistem pendakwaan.

Selain itu, Chenwi (2019) menjelaskan bahawa pemansuhan hukuman mati mandatori dapat meningkatkan risiko penghukuman yang bersifat arbitrari sekiranya tiada garis panduan penghukuman yang jelas dan konsisten. Dalam keadaan tertentu, keputusan hukuman mungkin dipengaruhi oleh faktor sosial, ekonomi atau latar belakang individu tertuduh sehingga mewujudkan ketidaksamaan dalam pelaksanaan keadilan jenayah. Menerusi laporan daripada President's Commission on Law Enforcement and Administration of Justice (2017) pula dinyatakan bahawa pendekatan penghukuman yang memberikan budi bicara kehakiman yang lebih luas dapat menyebabkan proses perbicaraan, rayuan dan petisyen pengampunan mengambil masa yang lebih panjang, sekali gus memberikan tekanan terhadap sumber kehakiman dan pentadbiran penjara.

Dari sudut pencegahan jenayah, Sunstein dan Vermeule (2005) berpendapat bahawa hukuman mati masih dianggap oleh sesetengah pihak sebagai mekanisme pencegahan yang berkesan terhadap jenayah serius, seperti pembunuhan dan pengedaran dadah. Oleh itu, pengurangan ketegasan hukuman dikhuatiri dapat melemahkan rasa takut terhadap undang-undang dan memberikan persepsi bahawa negara makin longgar dalam aspek menangani jenayah berat. Walaupun terdapat pandangan bahawa hukuman mati mempunyai fungsi pencegahan terhadap jenayah berat, keberkesanan hukuman tersebut masih menjadi perdebatan dalam kalangan sarjana dan institusi antarabangsa. Hood dan Hoyle (2015) menjelaskan bahawa tiada bukti empirikal yang konklusif yang menunjukkan bahawa hukuman mati lebih berkesan berbanding dengan hukuman penjara jangka panjang untuk mengurangkan kadar jenayah berat. Namun demikian, sesetengah pihak masih berpendapat bahawa hukuman mati mempunyai nilai simbolik bagi mengekalkan ketegasan sistem perundangan terhadap jenayah serius.

Pandangan yang sama turut dibincangkan oleh Mohd. Wasim Ali dan Khalid Khan (2024) yang menyatakan bahawa pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia masih menerima reaksi bercampur daripada masyarakat kerana terdapat kebimbangan dari segi implikasinya terhadap keselamatan awam dan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang. Novak (2015) pula menjelaskan bahawa perubahan dasar yang berkaitan dengan hukuman mati sering menerima tentangan awam kerana sebahagian

masyarakat masih melihat hukuman mati sebagai bentuk pembalasan yang setimpal terhadap jenayah berat. Dalam konteks ini, pemansuhan hukuman mati mandatori dapat menimbulkan persepsi bahawa keadilan terhadap mangsa dan keluarga mangsa tidak lagi diberikan keutamaan sewajarnya dalam sistem keadilan jenayah.

Secara keseluruhan, literatur sedia ada menunjukkan bahawa perbincangan mengenai hukuman mati di Malaysia melibatkan interaksi kompleks antara faktor sejarah, politik, sosial dan perundangan. Kajian terdahulu banyak membincangkan hukuman mati dari perspektif sejarah perundangan, hak asasi manusia, persepsi masyarakat dan keberkesanan pencegahan jenayah. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang kajian, khususnya dari segi penilaian khusus pemansuhan hukuman mati mandatori dari perspektif hak asasi manusia dan keadilan jenayah. Selain itu, penelitian terhadap hubungan antara budi bicara kehakiman, keadilan substantif dan pelaksanaan hukuman alternatif selepas pemansuhan hukuman mati mandatori juga masih terhad. Oleh itu, pengkaji berusaha untuk mengisi jurang tersebut dengan menganalisis pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia dari perspektif hak asasi manusia dan keadilan jenayah secara lebih menyeluruh dan kontekstual.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian perundangan doktrinal dan sosioperundangan bagi menganalisis pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia dari perspektif hak asasi manusia dan keadilan jenayah. Pendekatan perundangan doktrinal digunakan untuk meneliti perkembangan, tafsiran dan aplikasi undang-undang yang berkaitan dengan hukuman mati mandatori. Pendekatan ini turut melibatkan analisis terhadap keputusan mahkamah yang berkaitan bagi meneliti perkembangan prinsip budi bicara kehakiman dan pendekatan penghukuman sebelum dan selepas pemansuhan hukuman mati mandatori. Pendekatan sosioperundangan pula digunakan bagi memahami pelaksanaan reformasi tersebut dalam konteks sistem keadilan jenayah di Malaysia, termasuklah dari sudut amalan penghukuman, keadilan substantif dan pelaksanaan budi bicara kehakiman. Data kajian diperoleh daripada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer merangkumi statut perundangan, hamparan Parlimen, kes mahkamah, serta temu bual separa berstruktur dengan tiga orang informan yang terdiri daripada pengamal undang-undang yang terlibat secara langsung dalam bidang keadilan jenayah. Temu bual tersebut dilakukan bagi mendapatkan pandangan praktikal yang berkaitan dengan pelaksanaan pemansuhan

hukuman mati mandatori, kepentingan budi bicara kehakiman, cabaran pelaksanaan, serta cadangan penambahbaikan. Data temu bual digunakan sebagai data sokongan bagi memperkukuh analisis terhadap perkembangan penghukuman dan pelaksanaan pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia. Sumber sekunder pula melibatkan artikel jurnal, buku akademik, laporan institusi berkaitan dan dokumen dasar. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik dan analisis deskriptif perundangan. Analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema utama yang muncul daripada literatur, keputusan mahkamah dan data temu bual. Analisis deskriptif pula digunakan bagi meneliti perkembangan reformasi hukuman mati mandatori dan perubahan pendekatan penghukuman dalam sistem keadilan jenayah Malaysia selepas pelaksanaan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini dimulakan dengan meneliti perkembangan sejarah dan kerangka perundangan hukuman mati di Malaysia sebagai asas untuk memahami evolusi dasar hukuman mati mandatori di Malaysia. Seterusnya, analisis tertumpu pada pemansuhan hukuman mati mandatori melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023, faktor yang mendorong reformasi tersebut dan implikasinya terhadap sistem keadilan jenayah. Dalam bahagian ini, beberapa kes mahkamah turut dianalisis bagi menilai perubahan pendekatan penghukuman, khususnya dari sudut pelaksanaan budi bicara kehakiman. Selanjutnya, penambahbaikan yang dapat dilaksanakan dicadangkan.

Sejarah dan Latar Belakang Hukuman Mati di Malaysia

Hukuman mati di Malaysia mempunyai akar sejarah yang panjang dan dapat dikesan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka melalui penggubalan Hukum Kanun Melaka. Pada era tersebut, undang-undang jenayah Islam diterapkan secara langsung dalam sistem perundangan, termasuklah pelaksanaan konsep kisas yang memperuntukkan hukuman mati bagi kesalahan membunuh sekiranya sabit kesalahan. Beberapa fasal dalam Hukum Kanun Melaka, antaranya Fasal 5.1, Fasal 8.2 dan Fasal 39, memperincikan pelaksanaan hukuman tersebut berasaskan prinsip hukum Islam (Ahmad Ibrahim & Mahmood Saedon, 1988).

Selain unsur undang-undang Islam, Hukum Kanun Melaka turut mengandungi elemen hukum adat yang memperluas pelaksanaan

hukuman mati kepada kesalahan tertentu, seperti penggunaan bahasa larangan terhadap raja, pemalsuan titah diraja dan penderhakaan terhadap pemerintah. Catatan sejarah dalam Sejarah Melayu, termasuk kes Kitul dan Raja Mendeliar, menunjukkan pelaksanaan hukuman mati terhadap kesalahan memfitnah dan mencetuskan kekacauan awam. Kaedah pelaksanaan hukuman, seperti hukuman sula, mencerminkan pengaruh adat tempatan yang berbeza daripada kaedah pelaksanaan hukuman dalam perundangan Islam klasik. Pelaksanaan hukuman mati pada zaman tersebut bukan sahaja bertujuan untuk menghukum pesalah, tetapi juga berfungsi sebagai pencegahan melalui kesan malu, kesakitan yang melampau dan kematian, selaras dengan objektif undang-undang Islam, iaitu menjaga nyawa dan menegakkan keadilan (Segu Alavudin et al., 2014).

Kemasukan penjajahan British ke Tanah Melayu menyebabkan perubahan ketara terhadap sistem perundangan tempatan. Penguatkuasaan Piagam Keadilan pada tahun 1807, 1826 dan 1855 menyebabkan sistem Common Law England diperkenalkan dalam pentadbiran undang-undang jenayah. Perkembangan ini secara tidak langsung melemahkan kedudukan undang-undang Islam dan adat tempatan, serta memindahkan kuasa kehakiman daripada raja dan pembesar kepada mahkamah kolonial. Perubahan ini diperkukuh melalui penggubalan Akta Undang-undang Sivil 1956 yang memperuntukkan penggunaan Common Law England dan prinsip ekuiti sebagaimana yang berkuat kuasa di England pada 7 April 1956, selagi tidak bercanggah dengan keadaan tempatan. Perkembangan ini menyebabkan undang-undang Islam, termasuklah dalam konteks hukuman mati, makin dipinggirkan dalam kerangka undang-undang negara.

Dalam konteks moden, hukuman mati mandatori merujuk peruntukan undang-undang yang mewajibkan mahkamah untuk menjatuhkan hukuman mati bagi kesalahan tertentu tanpa memberikan ruang budi bicara kepada hakim bagi mengenakan hukuman alternatif (Thaatchayini Kananatu, 2022). Sebelum penguatkuasaan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846), sistem perundangan jenayah di Malaysia memperuntukkan hukuman mati mandatori bagi 11 kesalahan di bawah tujuh statut utama. Antara kesalahan tersebut termasuklah kesalahan melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong di bawah Seksyen 121 Kanun Keseksaan [Akta 574], kesalahan terhadap Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang Dipertua Negeri di bawah Seksyen 121A, perbuatan keganasan di bawah Seksyen 130C dan kesalahan membunuh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan. Selain itu, hukuman mati mandatori turut

diperuntukkan bagi kesalahan mengambil tebusan sehingga menyebabkan kematian di bawah Seksyen 374A Kanun Keseksaan. Dalam konteks jenayah yang melibatkan senjata api, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37] memperuntukkan hukuman mati mandatori bagi kesalahan melepaskan tembakan ketika melakukan kesalahan berjadual di bawah Seksyen 3 dan kesalahan rakan subahat di bawah Seksyen 3A. Hukuman yang sama turut diperuntukkan bagi kesalahan penculikan untuk tebusan di bawah Seksyen 3 Akta Penculikan 1961 [Akta 365] dan kesalahan pengedaran dadah berbahaya di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234]. Selain itu, beberapa kesalahan yang berkaitan dengan keganasan dan keselamatan negara di bawah undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan dan penerbangan awam turut memperuntukkan hukuman mati mandatori sebelum reformasi perundangan tahun 2023 dilaksanakan. Reformasi melalui Akta 846 menghapuskan sifat mandatori hukuman tersebut dan mengembalikan budi bicara kehakiman dalam penentuan hukuman bagi kesalahan yang berkaitan.

Walaupun bagaimanapun, pindaan pada tahun 2017 memperkenalkan elemen budi bicara kehakiman dengan membenarkan mahkamah untuk menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan sebatan sekiranya tertuduh memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa. Walaupun pindaan ini memberikan sedikit kelonggaran terhadap sistem perundangan, pelaksanaan hukuman mati masih berlaku secara berterusan. Pindaan tersebut dipercayai turut dipengaruhi oleh tekanan antarabangsa, khususnya daripada Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Citizen, 2022).

Data statistik menunjukkan bahawa sejak merdeka, Malaysia melaksanakan hukuman mati mandatori terhadap lebih kurang 469 individu. Hingga bulan Oktober 2021, banyak 1,366 individu masih berada dalam senarai menunggu hukuman mati, dengan hampir dua pertiga daripadanya disabitkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (Tali gantung gagal, 2022). Lebih kurang 73% hukuman mati berkaitan kesalahan dadah, manakala 25% melibatkan kesalahan membunuh dan selebihnya melibatkan kesalahan lain (Azmadi Samsuddin, 2019). Amnesty International Malaysia (2025) melaporkan bahawa lebih kurang 95% banduan wanita dijatuhi hukuman mati kerana kesalahan yang berkaitan dengan dadah. Kajian juga menunjukkan bahawa majoriti pesalah hukuman mati ialah golongan sosioekonomi rendah.

Hukuman mati di Malaysia sering dilihat sebagai legasi perundangan kolonial British yang masih memberikan kesan terhadap sistem keadilan jenayah moden. Walaupun Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan

bahawa tiada individu boleh dilucutkan nyawanya kecuali menurut undang-undang, pelaksanaan hukuman mati mandatori mengehendkan budi bicara kehakiman (Thaatchaayini Kananatu, 2022). Bermula pada era 1970-an, kerajaan Malaysia melaksanakan dasar agresif untuk memerangi dadah yang menyebabkan pengenalan hukuman mati mandatori bagi kesalahan pengedaran dadah melalui pindaan Akta Dadah Berbahaya pada tahun 1983 (Harring, 1991).

Dari sudut dasar perundangan, perdebatan mengenai hukuman mati di Malaysia sering melibatkan pendekatan dan pandangan yang berbeza-beza antara pelbagai pihak. Golongan pembela hak asasi manusia dan organisasi bukan kerajaan cenderung untuk menekankan isu hak asasi, risiko ketidakadilan dan kepentingan untuk memberikan peluang pemulihan kepada pesalah bagi mendapatkan sokongan masyarakat dan antarabangsa. Sebaliknya, pihak yang menyokong pengekalan hukuman mati lebih menumpukan aspek keadilan terhadap mangsa, keselamatan awam dan keperluan hukuman tegas terhadap jenayah berat, serta jenayah keganasan (Berns, 2013; Thaatchaayini Kananatu, 2022). Laporan Amnesty International Malaysia (2019) menunjukkan bahawa majoriti banduan hukuman mati terdiri daripada golongan berpendapatan rendah, etnik minoriti yang kurang diwakili secara adil, serta warga asing yang berhadapan dengan kekangan bahasa dan bantuan guaman. Dari sudut gender, lebih kurang 95% wanita yang dijatuhi hukuman mati kerana kesalahan yang berkaitan kesalahan dadah berbanding dengan lebih kurang 70% lelaki sahaja, dengan faktor ekonomi dikenal pasti sebagai antara punca utama pelibatan tersebut (Harry, 2021). Hasil temu bual yang dilaksanakan turut menunjukkan bahawa kebanyakan tertuduh dalam kes hukuman mati, khususnya yang melibatkan kesalahan dadah, terdiri daripada individu yang mempunyai kekangan sosioekonomi dan capaian terhad terhadap bantuan guaman yang berkualiti. Keadaan ini memberikan kesan terhadap keupayaan tertuduh untuk menyediakan pembelaan yang berkesan sepanjang proses perbicaraan.

Perubahan dasar hukuman mati mula menunjukkan perkembangan melalui usaha advokasi Majlis Peguam Malaysia dan rangkaian antarabangsa, seperti The Death Penalty Project, yang melakukan kajian persepsi awam terhadap hukuman mati (Hood, 2012). Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa tahap sokongan awam terhadap pengekalan hukuman mati mandatori, khususnya bagi kesalahan yang berkaitan dengan dadah, tidak konsisten dan cenderung rendah apabila

responden didedahkan pada faktor mitigasi dan ketidakadilan situasional dalam kes tertentu. Namun begitu, perkembangan ini turut menimbulkan persoalan yang lebih luas terhadap skop kesalahan lain di bawah Akta 574 Kanun Keseksaan, khususnya sama ada pendekatan yang sama terhadap pemansuhan hukuman mati mandatori wajar diperluas kepada kesalahan lain, seperti pembunuhan di bawah Seksyen 302, kesalahan terhadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu di bawah Seksyen 121A, serta kesalahan keganasan di bawah Seksyen 130C. Dalam konteks ini, perbahasan undang-undang tidak lagi semata-mata tertumpu pada kesalahan dadah, sebaliknya melibatkan penelitian semula terhadap prinsip proporsionaliti, tahap niat jenayah (*mens rea*), serta peranan budi bicara kehakiman bagi memastikan agar hukuman yang dikenakan benar-benar mencerminkan tahap kesalahan dan keadaan individu tertuduh secara lebih adil dan kontekstual.

Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori

Hukuman mati mandatori dimansuhkan melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023. Akta ini ialah undang-undang yang digubal oleh Parlimen Malaysia untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dan hukuman penjara sepanjang hayat di Malaysia. Walau bagaimanapun, hukuman mati tetap kekal sebagai satu bentuk hukuman yang sah dan boleh dilaksanakan di bawah undang-undang jenayah Malaysia (Anie Farahida Omar et al., 2025). Akta ini tidak bermakna bahawa hukuman mati dimansuhkan sepenuhnya di negara ini. Namun begitu, pindaan melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 menyebabkan pendekatan perundangan berubah daripada bersifat wajib kepada pemberian budi bicara kepada mahkamah untuk memilih sama ada antara hukuman mati atau hukuman alternatif, seperti penjara seumur hidup atau penjara tidak kurang daripada 30 tahun hingga 40 tahun (Amnesty International Malaysia, 2023). Pindaan ini yang berkuat kuasa mulai 4 Julai 2023 menandakan perubahan besar dalam sistem keadilan jenayah negara dengan penekanan baharu terhadap prinsip rehabilitasi, kesesuaian hukuman (prinsip perkadaran hukuman) dan perlindungan hak asasi manusia.

Sebelum penguatkuasaan akta ini pada 4 Julai 2023, terdapat 11 kesalahan jenayah yang disabitkan hukuman mati mandatori di Malaysia. Dalam kes ini, jika seseorang disabitkan kesalahan, hukuman mati satu-satunya hukuman yang boleh dijatuhkan oleh hakim, tanpa ada pilihan lain. Namun begitu, pengecualian diberikan kepada wanita hamil,

seperti yang ditakrifkan oleh Kanun Tatacara Jenayah atau kanak-kanak dan Akta Kanak-kanak 2001 apabila hukuman mati tidak akan dikenakan (Anie Farahida Omar et al., 2025).).

Menerusi penggubalan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023, hakim di Malaysia kini diberi kuasa budi bicara untuk memutuskan hukuman, sama ada akan menjatuhkan hukuman mati atau hukuman penjara dalam tempoh antara 30 tahun hingga 40 tahun, serta tidak kurang daripada 12 sebatan bergantung pada kes dan keadaan tertentu. Selain itu, akta ini juga memansuhkan hukuman penjara sepanjang hayat dan menggantikannya dengan hukuman penjara dalam tempoh antara 30 tahun hingga 40 tahun. Di bawah undang-undang jenayah Malaysia, istilah “penjara sepanjang hayat” merujuk pemenjaraan hingga kematian semula jadi banduan tersebut, sementara “penjara seumur hidup” merujuk hukuman penjara yang tetap selama 30 tahun, kecuali jika dinyatakan sebaliknya dalam undang-undang. Akta ini hanya bertujuan untuk memansuhkan “penjara sepanjang hayat”, bukannya “penjara seumur hidup.”

Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 menyebabkan perubahan besar dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia. Pemansuhan ini memberikan ruang kepada hakim untuk menetapkan keputusan berdasarkan budi bicaranya, sambil memastikan keadilan yang lebih adil dan berperikemanusiaan dalam pelaksanaan hukuman.

Faktor Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori

Hukuman mati mandatori dikritik kerana sifatnya yang rigid dan berasaskan konsep hukuman tetap (*fixed sentencing*), iaitu pendekatan yang menetapkan hukuman standard tanpa memberikan ruang dari segi pertimbangan kehakiman terhadap fakta dan keadaan individu kes. Dalam perbincangan teori penghukuman, Bagaric (2000) menjelaskan bahawa hukuman tetap melibatkan penetapan hukuman yang sama secara automatik terhadap sesuatu kesalahan, sama ada dalam bentuk hukuman mandatori atau *presumptive*, mengehadkan sepenuhnya budi bicara hakim. Bagaric (2000) turut menegaskan bahawa sistem ini sering dikritik kerana dua sebab utama, iaitu sifatnya yang terlalu keras dan berpotensi untuk mewujudkan ketidakadilan dalam pelaksanaan hukuman, khususnya apabila tidak mengambil kira perbezaan keadaan dalam setiap kes.

Dalam konteks ini, hukuman mati mandatori merupakan bentuk paling ketat bagi hukuman tetap kerana hanya menawarkan satu hukuman tanpa alternatif. Keadaan ini menimbulkan isu keadilan substantif kerana semua kesalahan yang termasuk dalam kategori tersebut dihukum secara

seragam tanpa pertimbangan faktor mitigasi. Selari dengan itu, Iman Muttaqin dan Noah (2023) menegaskan bahawa pemansuhan hukuman mati mandatori diperlukan bagi memastikan hukuman yang dijatuhkan lebih seimbang dan mengambil kira keadaan individu, serta fakta kes. Oleh itu, pendekatan hukuman tetap yang terlalu rigid dilihat tidak lagi selaras dengan perkembangan prinsip keadilan jenayah moden yang menekankan individualisasi hukuman. Dengan berdasarkan temu bual yang dilakukan, Informan B menjelaskan bahawa pendekatan hukuman mandatori mengehadkan ruang mahkamah untuk mempertimbangkan faktor mitigasi dan tahap pelibatan tertuduh secara menyeluruh. Informan ini juga berpandangan bahawa peluasan budi bicara kehakiman selepas pemansuhan membolehkan mahkamah menilai sesuatu kes secara lebih kontekstual berdasarkan fakta dan keadaan tertuduh.

Hak untuk hidup merupakan hak asas yang dijamin di bawah Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan, yang memperuntukkan bahawa tiada seorang pun yang boleh dilucutkan nyawa atau kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang. Hakim, dalam kes *Lee Kwan Woh lwn. Pendakwa Raya* [2009] 5 *MLJ* 301 (FC) menegaskan bahawa hak di bawah Perkara 5 mesti ditafsirkan secara luas dan berprinsipkan keadilan substantif, termasuklah hak untuk mendapatkan proses perbicaraan yang adil sebelum sebarang hukuman berat dikenakan.

Selain itu, prinsip kesamarataan di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan turut berperanan penting dalam perbahasan hukuman mati mandatori. Dalam kes *Public Prosecutor lwn. Datuk Harun bin Haji Idris* [1977] 1 *MLJ* 15, mahkamah menegaskan bahawa prinsip kesamarataan tidak menafikan perbezaan undang-undang, tetapi mensyaratkan bahawa perbezaan tersebut mestilah berasaskan justifikasi yang munasabah. Dalam konteks ini, hukuman mati mandatori menimbulkan isu kerana mengenakan hukuman yang seragam tanpa mengambil kira tahap kesalahan, keadaan tertuduh atau faktor mitigasi.

Selari dengan itu, Suhaizad Saifuddin dan Intan Shafinaz Mohamadi (2025) menegaskan bahawa semua individu, termasuklah tertuduh, berhak untuk mendapatkan perlindungan undang-undang yang adil di bawah Perkara 8. Suhaizad Saifuddin dan Bernard (2025) pula berhujah bahawa hukuman yang menjejaskan hak untuk hidup secara mutlak perlu dinilai semula kerana bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, hukuman mati mandatori dilihat tidak selari dengan interpretasi kehakiman terhadap Perkara 5 dan Perkara 8 kerana mengehadkan pertimbangan kehakiman bagi menentukan keadilan individu.

Faktor kritikal yang menyebabkan pemansuhan hukuman mati mandatori ialah risiko kesilapan kehakiman yang tidak dapat diperbetul selepas hukuman dilaksanakan. Sistem perundangan, walaupun berasaskan proses yang ketat, tidak terlepas daripada kemungkinan kesilapan, seperti kelemahan siasatan, bukti yang tidak mencukupi atau salah tafsir fakta di mahkamah (Suhaizad Saifuddin et al., 2025). Dalam konteks ini, Shamrahayu A Aziz (2022) menegaskan bahawa hukuman mati bersifat muktamad dan tidak dapat dipulihkan. Oleh itu, sebarang kesilapan kehakiman menyebabkan ketidakadilan yang kekal.

Isu ini turut disokong oleh perbincangan hak asasi manusia pada peringkat antarabangsa. Prinsip hak untuk mendapatkan pembelaan dan pemulihan yang sewajarnya bagi sabitan salah diiktiraf dalam instrumen, seperti Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 dan Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik 1966, khususnya yang berkaitan dengan hak perbicaraan yang adil. Gross dan O'Brien (2008) pula menegaskan bahawa sistem keadilan yang berkesan bukan sahaja perlu menghukum pesalah, tetapi juga menyediakan mekanisme pemulihan, seperti pampasan dan rehabilitasi, bagi individu yang disabitkan secara salah, namun pelaksanaannya berbeza-beza bergantung pada sistem perundangan sesebuah negara. Dalam perkembangan lanjut, Aamer et al. (2023) menyatakan bahawa sabitan salah dapat menjejaskan kepercayaan masyarakat terhadap institusi kehakiman dan melemahkan legitimasi sistem keadilan. Oleh itu, dalam pendekatan keadilan restoratif yang diperkenalkan oleh Zehr (2002) dan diperluas oleh Cunliffe et al. (2015), ditegaskan bahawa kesilapan dalam sistem kehakiman bukan sahaja memberikan kesan kepada individu yang disabitkan secara salah, malah turut melibatkan tanggungjawab negara sebagai pihak yang menyebabkan berlakunya sabitan salah dalam proses keadilan jenayah. Pandangan ini menunjukkan bahawa kesalahan kehakiman tidak boleh dilihat semata-mata sebagai kelemahan individu atau prosedur, tetapi juga sebagai kegagalan institusi keadilan bagi memastikan perbicaraan yang adil dan tepat.

Tambahan pula, MADPET (2020) menegaskan bahawa prinsip beban pembuktian perlu kekal berada pada pihak pendakwaan bagi mengelakkan sabitan tidak adil, khususnya dalam kes yang bergantung pada anggapan undang-undang. Oleh itu, pemansuhan hukuman mati mandatori dilihat sebagai langkah penting untuk mengurangkan risiko kesilapan kehakiman yang tidak dapat dipulihkan dan memperkukuh jaminan keadilan dalam sistem perundangan jenayah.

Tekanan antarabangsa merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia, khususnya melalui perkembangan norma hak asasi manusia global yang makin kukuh. Neumayer (2008) menghuraikan bahawa sejak akhir era 1970-an, wujud peningkatan tekanan daripada komuniti antarabangsa yang melihat hukuman mati sebagai pelanggaran terhadap standard hak asasi manusia sejagat. Perkembangan ini tidak hanya bersifat retorik, tetapi beroperasi melalui mekanisme normatif dan institusional yang membentuk tingkah laku negara.

Secara khusus, tekanan antarabangsa ini berlaku melalui tiga saluran utama. Pertama, melalui rejim hak asasi manusia antarabangsa, termasuklah resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan protokol yang berkaitan dengan hak sivil dan politik yang menjadikan pemansuhan hukuman mati sebagai aspirasi normatif global (Neumayer, 2008). Kedua, melalui aktor transnasional, seperti Amnesty International Malaysia dan Pertubuhan Pemantau Hak Asasi Manusia (Human Rights Watch) yang secara konsisten menekankan bahawa hukuman mati bercanggah dengan hak asasi manusia sejagat dan mengekalkan tekanan reputasi terhadap negara yang masih mengekalkan hukuman mati. Ketiga, melalui kesan reputasi antarabangsa yang mempengaruhi kedudukan negara dalam kerjasama diplomatik dan hubungan antarabangsa.

Neumayer (2008) turut menekankan bahawa proses ini membentuk “penyebaran norma”, iaitu penyebaran nilai sehingga pemansuhan hukuman mati menjadi standard tingkah laku negara moden, khususnya dalam sistem perundangan yang ingin mengekalkan legitimasi antarabangsa. Dalam konteks Malaysia, tekanan ini tidak bersifat paksaan langsung, tetapi hadir dalam bentuk penyesuaian terhadap norma global bagi mengekalkan kredibiliti sebagai negara yang aktif dalam hubungan antarabangsa.

Pada peringkat domestik, pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia dipengaruhi oleh perubahan struktur sosiopolitik dan evolusi pendekatan dasar jenayah yang lebih progresif. Neumayer (2008) menegaskan bahawa dalam banyak negara, reformasi hukuman mati tidak semata-mata didorong oleh tekanan awam, tetapi lebih kepada peranan elit politik dan institusi perundangan dalam pembentukan perubahan dasar jenayah. Dalam konteks ini, perubahan dasar sering berlaku melalui proses institusional yang melibatkan semakan undang-undang dan keputusan kerajaan.

Perkembangan di Malaysia memperlihatkan pola yang selari dengan hujah tersebut. Proses pemansuhan hukuman mati mandatori tidak berlaku secara spontan, sebaliknya melalui perbahasan Parlimen, penubuhan

Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Mati Mandatori, serta penelitian oleh pakar undang-undang dan pembuat dasar. Mekanisme ini menunjukkan bahawa reformasi tersebut bersifat institusional dan dipacu oleh keputusan dasar negara, bukan semata-mata tekanan sosial (Neumayer, 2008).

Selain itu, perubahan ini juga mencerminkan peralihan dalam falsafah keadilan jenayah daripada pendekatan retributif kepada pendekatan yang lebih seimbang dan berorientasikan budi bicara kehakiman. Penerimaan terhadap elemen budi bicara ini menunjukkan bahawa sistem keadilan Malaysia makin mengiktiraf kepentingan pertimbangan individu kes, termasuklah faktor mitigasi dan prinsip keadilan substantif. Walau bagaimanapun, berdasarkan temu bual yang dilakukan, Informan B juga berpendapat bahawa peluasan budi bicara kehakiman selepas pemansuhan hukuman mati mandatori turut menimbulkan keperluan terhadap garis panduan penghukuman yang lebih jelas bagi memastikan konsistensi keputusan mahkamah dalam kes yang melibatkan fakta dan tahap kesalahan yang hampir serupa.

Dalam konteks ini, pengenalan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 menandakan transformasi penting dalam sistem keadilan jenayah Malaysia apabila mahkamah diberi ruang untuk menilai setiap kes secara lebih fleksibel berdasarkan fakta, keadaan tertuduh dan tahap keseriusan kesalahan. Reformasi ini mencerminkan perubahan dasar negara ke arah sistem keadilan yang lebih seimbang, progresif dan berasaskan pertimbangan kehakiman yang lebih menyeluruh. Sehubungan dengan itu, pemansuhan hukuman mati mandatori melalui reformasi undang-undang pasca-2023 dapat dilihat sebagai manifestasi penyesuaian Malaysia terhadap standard global keadilan jenayah yang makin menolak hukuman mati mandatori, selaras dengan trend pemansuhan di beberapa negara lain yang beralih kepada sistem hukuman yang lebih berperikemanusiaan (Iman Muttaqin & Noah Lee, 2023)

Analisis Kes

Analisis terhadap kes hukuman mati mandatori di Malaysia menunjukkan bahawa sebelum pemansuhan hukuman mati mandatori pada tahun 2023, pendekatan mahkamah lebih tertumpu pada penggunaan peruntukan statutori secara ketat berbanding dengan pertimbangan terhadap faktor individualisasi hukuman dan keadilan substantif. Dalam sistem tersebut, mahkamah tidak mempunyai ruang budi bicara yang luas kerana hukuman mati perlu dijatuhkan sebaik-baik sahaja kesalahan dibuktikan melampaui keraguan munasabah. Keadaan ini menyebabkan proses penghukuman lebih menekankan aspek sabitan kesalahan berbanding dengan kesesuaian hukuman berdasarkan keadaan khusus setiap tertuduh.

Keadaan tersebut dapat dilihat dalam kes *Francis Antonysamy lwn. Pendakwa Raya* [2005] 2 CLJ 481 apabila mahkamah persekutuan mengekalkan sabitan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan walaupun terdapat pertikaian yang berkaitan dengan kebolehterimaan pernyataan beramaran. Kes ini memperlihatkan bahawa tumpuan utama mahkamah pada ketika itu lebih kepada pembuktian liabiliti jenayah berbanding dengan penilaian terhadap kesesuaian hukuman yang dijatuhkan. Dalam konteks hukuman mati mandatori, hakim tidak mempunyai pilihan untuk mempertimbangkan hukuman alternatif walaupun wujud faktor tertentu yang mungkin relevan terhadap tertuduh.

Pendekatan yang sama turut diperhatikan dalam kes *Pendakwa Raya lwn. Kunasegaran Ragavanaidu & Ors* [2021] 9 CLJ 266 yang berkaitan dengan pembunuhan Kevin Morais. Walaupun setiap tertuduh mempunyai tahap pelibatan yang berbeza-beza, penggunaan doktrin niat bersama di bawah Seksyen 34 Kanun Keseksaan menyebabkan semua tertuduh menanggung liabiliti jenayah yang sama. Dari sudut penghukuman, keadaan ini menimbulkan persoalan tentang pelaksanaan prinsip individualisasi hukuman apabila peranan setiap tertuduh tidak dapat dibezakan secara jelas dalam penentuan hukuman.

Dalam kes yang berkaitan dengan dadah pula, keterikatan terhadap hukuman mandatori turut memberikan kesan terhadap pertimbangan faktor mitigasi dan latar belakang tertuduh. Dalam kes *Saeid Reza Mohammadi lwn. Pendakwa Raya* [2016] 4 MLJ 22, perayu mendakwa bahawa dirinya hanya bertindak sebagai “keldai dadah”, namun dakwaan tersebut tidak memberikan kesan terhadap hukuman kerana Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 pada ketika itu masih memperuntukkan hukuman mati mandatori. Hal yang sama berlaku dalam kes *Letitia Bosman lwn. Pendakwa Raya* [2020] 5 MLJ 277 apabila faktor keadaan peribadi tertuduh tidak mempengaruhi keputusan hukuman disebabkan oleh keterikatan mahkamah terhadap peruntukan undang-undang yang bersifat mandatori. Semua kes ini menunjukkan bahawa pendekatan penghukuman terdahulu memberikan penekanan terhadap keseragaman hukuman walaupun latar belakang dan tahap pelibatan tertuduh berbeza-beza.

Walau bagaimanapun, sebelum pemansuhan hukuman mati mandatori dilaksanakan sepenuhnya, terdapat beberapa perkembangan yang menunjukkan kecenderungan mahkamah untuk memberikan penelitian yang lebih teliti terhadap fakta dan elemen kesalahan. Dalam kes *Khokin Miah lwn. Pendakwa Raya* [2025] MLJU 276, mahkamah memberikan perhatian yang lebih mendalam terhadap elemen pengetahuan dan milikan sebelum mengekalkan sabitan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa mahkamah mula memberikan penekanan terhadap

penilaian fakta kes secara lebih menyeluruh dan tidak hanya bergantung pada aplikasi peruntukan secara automatik. Selain itu, dalam kes *Pendakwa Raya lwn. Nur Hidayah bt Abdullah* [2022] 11 MLJ 705, mahkamah tidak menjatuhkan hukuman mati kerana tertuduh dilindungi di bawah Seksyen 97 Akta Kanak-kanak 2001. Walaupun pengecualian tersebut dibuat atas dasar perlindungan statutori terhadap pesalah juvana, kes ini menunjukkan bahawa faktor umur dan keadaan individu tertentu diberikan pertimbangan dalam proses penghukuman.

Selepas pemansuhan hukuman mati mandatori melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023, pendekatan mahkamah mula menunjukkan perubahan dalam penentuan hukuman. Dalam kes *Zulfaldy Shafieq Ali lwn. Pendakwa Raya* [2025] CLJU 390 yang melibatkan kesalahan bunuh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan, mahkamah mengambil kira faktor mitigasi dan keadaan tertuduh sebelum menggantikan hukuman mati dengan hukuman pemenjaraan. Pendekatan yang sama turut dapat dilihat dalam kes *Mohd Helmi Anuar Mohd Kassim lwn. Pendakwa Raya* [2026] CLJU 1285 apabila mahkamah memberikan pertimbangan terhadap tahap pelibatan tertuduh, faktor mitigasi dan prinsip keadilan substantif bagi menentukan hukuman yang lebih sesuai. Perkembangan ini menunjukkan bahawa mahkamah kini mempunyai ruang budi bicara yang lebih luas untuk menilai kesesuaian hukuman berdasarkan fakta dan keadaan setiap kes selepas pemansuhan hukuman mati mandatori. Dengan berdasarkan temu bual yang dilakukan, Informan B dan Informan C berpandangan bahawa perkembangan penghakiman yang berkaitan dengan hukuman mati mandatori menunjukkan perubahan daripada pendekatan penghukuman yang lebih bersifat tetap kepada pendekatan yang memberikan ruang yang lebih besar dari segi pertimbangan kehakiman. Pemansuhan hukuman mati mandatori membolehkan mahkamah menilai faktor individu dan keadaan khusus tertuduh sebelum sesuatu hukuman diputuskan. Walau bagaimanapun, peluasan budi bicara kehakiman menimbulkan persoalan yang berkaitan dengan keseragaman penghukuman dan konsistensi keputusan mahkamah. Oleh itu, pelaksanaan pendekatan baharu ini memerlukan garis panduan penghukuman yang jelas bagi memastikan keseimbangan antara kepastian undang-undang dan keadilan dalam proses penghukuman.

Cadangan Penambahbaikan

Pemansuhan hukuman mati mandatori boleh dilaksanakan, tetapi dengan mekanisme kawal selia yang jelas perlu disertakan bagi memastikan keseimbangan antara kepentingan keadilan, keselamatan awam dan

perlindungan hak asasi manusia. Dalam konteks sistem keadilan jenayah, setiap individu hendaklah dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah. Oleh itu, pemansuhan hukuman mati mandatori bukan sekadar perubahan terhadap bentuk hukuman, tetapi turut melibatkan perubahan terhadap pendekatan penghukuman yang lebih menekankan pertimbangan fakta kes, tahap keterlibatan tertuduh dan prinsip keadilan substantif. Walau bagaimanapun, perubahan ini perlu disokong oleh langkah yang sistematik bagi memastikan pelaksanaannya tidak menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap sistem kehakiman.

Sehubungan dengan itu, garis panduan penghukuman yang jelas dan konsisten perlu diwujudkan bagi membantu mahkamah dalam pelaksanaan budi bicara kehakiman selepas pemansuhan hukuman mati mandatori. Setelah pindaan undang-undang dilaksanakan, hakim kini mempunyai kuasa untuk menentukan jenis dan tempoh hukuman berdasarkan fakta dan keadaan setiap kes. Oleh itu, badan kehakiman atau mahkamah persekutuan perlu mempertimbangkan pembangunan garis panduan penghukuman khusus seperti yang diamalkan oleh Sentencing Council di United Kingdom. Garis panduan tersebut dapat memperincikan faktor pemberat dan faktor mitigasi bagi memastikan penghukuman dilaksanakan secara lebih seragam dan telus. Pendekatan ini penting bagi mengurangkan risiko ketidakseragaman keputusan mahkamah dan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap konsistensi sistem keadilan jenayah. Pandangan ini juga selari dengan hasil temu bual yang dilakukan dalam kajian ini apabila Informan A dan Informan C menegaskan bahawa ketiadaan garis panduan penghukuman yang jelas berpotensi untuk mewujudkan perbezaan ketara dalam penentuan hukuman bagi kesalahan yang hampir serupa.

Selain itu, sistem semakan semula kes lama yang melibatkan hukuman mati mandatori perlu diperkukuh. Hingga bulan Disember 2019, sebanyak 1,280 individu berada di bawah hukuman mati di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 453 individu masih berada pada peringkat rayuan, sama ada di mahkamah rayuan atau mahkamah persekutuan, manakala 827 individu telah memfailkan permohonan pengampunan kepada Lembaga Pengampunan. Statistik ini menunjukkan bahawa masih terdapat sejumlah besar banduan yang terlibat dalam proses perundangan yang panjang, khususnya bagi kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Dalam keadaan tertentu, faktor sosioekonomi dan kekangan capaian terhadap bantuan guaman berpotensi untuk menjejaskan peluang tertuduh bagi mendapatkan pembelaan yang sewajarnya. Oleh itu, berdasarkan hasil temu bual, Informan B mencadangkan agar kerajaan dapat mempertimbangkan penubuhan satu unit khas atau jawatankuasa bebas bagi menyemak semula kes lama secara sistematik dan telus. Semakan

tersebut dapat memberikan perhatian terhadap faktor, seperti umur tertuduh ketika kesalahan dilakukan, tahap pelibatan dalam kesalahan dan isu yang berkaitan dengan representasi guaman ketika perbicaraan asal. Pendekatan ini dapat membantu memperkukuh prinsip keadilan substantif dan memastikan proses semakan dilakukan secara lebih teratur.

Di samping itu, Informan A turut mencadangkan agar aspek pemulihan dan integrasi semula banduan dalam kalangan masyarakat diberikan perhatian. Banduan yang hukuman matinya digantikan dengan hukuman pemenjaraan memerlukan sokongan berbentuk latihan kemahiran, kaunseling dan program pembangunan diri bagi membantu proses penyesuaian semula selepas menjalani hukuman. Dalam konteks ini, program rehabilitasi yang terancang bukan sahaja dapat membantu mengurangkan kadar kesalahan berulang, tetapi juga menyokong proses reintegrasi sosial bekas banduan. Oleh itu, kerjasama antara agensi kerajaan, institusi pemulihan dan masyarakat amat penting bagi memastikan proses pemulihan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Pada masa yang sama, pengkaji mencadangkan supaya usaha untuk meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai pemansuhan hukuman mati mandatori diperkukuh melalui program kesedaran awam dan pendidikan undang-undang. Langkah ini penting bagi menjelaskan bahawa pemansuhan hukuman mati mandatori tidak bermaksud penghapusan hukuman terhadap jenayah berat, sebaliknya memberikan ruang kepada mahkamah untuk mempertimbangkan hukuman yang lebih bersesuaian berdasarkan fakta kes. Pendekatan ini juga dapat membantu mengurangkan stigma terhadap bekas pesalah dan memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap prinsip keadilan yang lebih seimbang dan menyeluruh.

Selain itu, pembangunan sistem data nasional yang berkaitan dengan hukuman mati wajar dipertimbangkan bagi memperkukuh proses penggubalan dasar dan penyelidikan yang berkaitan dengan sistem keadilan jenayah. Sistem tersebut dapat merangkumi maklumat yang berkaitan dengan jenis kesalahan, latar belakang pesalah, keputusan rayuan, faktor mitigasi dan bentuk hukuman yang dijatuhkan selepas pemansuhan hukuman mati mandatori. Data yang lebih sistematik dan komprehensif dapat membantu pihak berkaitan dalam penilaian keberkesanan pelaksanaan dasar dan menyokong pembangunan dasar berasaskan bukti.

Secara keseluruhan, pemansuhan hukuman mati mandatori memerlukan pelaksanaan yang terancang dan seimbang agar objektif keadilan dapat dicapai tanpa mengabaikan kepentingan masyarakat, hak mangsa dan prinsip kedaulatan undang-undang. Oleh itu, keberkesanan pendekatan ini bergantung pada kejelasan garis panduan penghukuman,

keberkesanan mekanisme semakan kes, pengukuhan program rehabilitasi, serta keupayaan institusi kehakiman dan penguatkuasaan untuk melaksanakan perubahan tersebut secara konsisten dan telus.

KESIMPULAN

Pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia memperlihatkan perubahan dalam pendekatan sistem keadilan jenayah negara, khususnya yang berkaitan dengan peluasan budi bicara kehakiman dalam penentuan hukuman. Perubahan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya termasuklah perkembangan prinsip hak asasi manusia, keseimbangan terhadap risiko salah sabitan, keperluan untuk memperkukuh keadilan substantif, serta kritikan terhadap sifat hukuman mandatori yang tidak memberikan ruang kepada mahkamah bagi mempertimbangkan faktor mitigasi dan keadaan tertuduh. Selain itu, perkembangan standard antarabangsa dalam sistem keadilan jenayah dan perubahan pendekatan terhadap penghukuman turut mempengaruhi perubahan dasar tersebut. Pemansuhan ini tidak menghapuskan hukuman mati secara keseluruhan, tetapi memberikan ruang kepada mahkamah untuk mempertimbangkan hukuman yang bersesuaian berdasarkan fakta dan keadaan setiap kes. Pendekatan tersebut membolehkan faktor, seperti tahap pelibatan tertuduh, latar belakang individu dan keadaan mitigasi, diberikan pertimbangan sebelum sesuatu hukuman ditetapkan. Analisis terhadap kes sebelum dan selepas pemansuhan menunjukkan bahawa sistem terdahulu lebih menekankan pematuhan terhadap hukuman mandatori sebaik-baik sahaja sabitan dibuktikan. Keadaan ini mengehadkan ruang mahkamah untuk menilai perbezaan tahap keterlibatan dan keadaan tertuduh dalam sesuatu kes. Selepas pemansuhan dilaksanakan, mahkamah mula menggunakan budi bicara dalam penentuan hukuman yang dilihat lebih bersesuaian berdasarkan fakta dan keadaan kes secara keseluruhan. Perkembangan ini menunjukkan perubahan dalam pendekatan penghukuman daripada sistem yang lebih bersifat tetap kepada pendekatan yang mempertimbangkan prinsip individualisasi hukuman dan prinsip perkadaran hukuman. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pemansuhan hukuman mati mandatori turut menimbulkan beberapa cabaran. Antaranya termasuklah yang berkaitan dengan konsistensi penghukuman, keperluan terhadap garis panduan kehakiman yang jelas, serta persepsi masyarakat terhadap keberkesanan hukuman dalam pencegahan jenayah berat. Selain itu, proses semakan semula kes dan pengendalian rayuan memerlukan pengurusan yang lebih sistematik bagi memastikan dasar tersebut dilaksanakan dengan baiknya. Pemansuhan hukuman mati mandatori menunjukkan perkembangan dalam sistem keadilan jenayah Malaysia ke arah pendekatan penghukuman

yang lebih fleksibel dan kontekstual. Namun begitu, keberkesanan pelaksanaannya bergantung pada keupayaan institusi kehakiman dan sistem perundangan bagi memastikan keseimbangan antara budi bicara kehakiman, kepastian undang-undang dan kepentingan keadilan dalam setiap kes yang diputuskan.

PENGHARGAAN

Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia atas penyediaan kemudahan, sokongan akademik dan sumber penyelidikan yang membolehkan makalah ini disempurnakan dengan baiknya. Segala bantuan yang diberikan telah memperkukuh proses penyelidikan dan mutu penulisan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Thurga Vasanthan: Bertanggungjawab dalam merangka konsep dan reka bentuk kajian, melaksanakan pengumpulan data, menjalankan analisis statistik, menginterpretasi hasil penyelidikan, menulis draf awal makalah, menyediakan draf akhir, serta melakukan semakan menyeluruh sebelum penghantaran manuskrip; Suhaizad Saifuddin: Terlibat dalam pembangunan konsep kajian dan reka bentuk metodologi, menyumbang kepada penginterpretasian dapatan, penulisan makalah, penyediaan draf akhir, serta semakan akhir bagi memastikan ketepatan dan kualiti penulisan.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik Kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan atau bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

Ahmad Ibrahim, & Mahmood Saedon A. Othman. (1988). Ke arah Islamisasi undang-undang di Malaysia. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234).

- Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611).
- Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.
- Amirah Khadijah Khurun Hizar, Anis Nadhirah Anuar, Nabil Muftin Abdul Aziz, Nur Airina Atasya Mohd Rizal, Ain-Maryam Zolkipli @ Zulkifli, Nurul Izza Shamsul Kamal, & Sayidah Asma Basir. (2025). The abolition of mandatory death penalty: Implementation in Malaysia and the United Kingdom. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 9(7), 389–405. <https://dx.doi.org/10.47772/IJRISS.2025.90700029>
- Amnesty International Malaysia. (2024, 26 Februari). *Malaysia: First six months of sentencing discretion underscore urgent need for indefinite extension of moratorium on executions*. <https://www.amnesty.my/2024/02/26/first-six-months-of-sentencing-discretion/>
- Amnesty International Malaysia. (2024, 29 Mei). *Malaysia among minority of countries using death penalty for drug-related offences as global executions peak*. *Amnesty International Malaysia*. <https://www.amnesty.my/2024/05/29/press-release-death-sentences-and-executions-2023/>
- Anie Farahida Omar, Mohd Syahril Ibrahim, Amylia Fuziana Azmi, & Nor Laila Ahmad. (2025). An overview of the abolishment of mandatory death penalty in Malaysia. Dlm. *Prosiding International Conference of Law, Accounting & Finance 2025 (ICLAF 2025)*. Universiti Teknologi MARA.
- Antolak-Saper, N., Kowal, S., Lindsey, S., Ngeow, C. Y., & Kananatu, T. (2020). Drug offences and the death penalty in Malaysia: Fair trial rights and ramifications. Monash University. https://www.monash.edu/__data/assets/pdf_file/0011/2213867/MU_ADPAN_report_v6.pdf
- Azmadi Samsuddin. (2019, 17 September). *Hukuman mati di Malaysia*. The Centre. <https://www.centre.my/post/hukuman-mati-di-malaysia>
- Bagaric, M. (2000). Consistency and fairness in sentencing - The splendor of fixed penalties. *SSRN Electronic Journal*, 2. <https://doi.org/10.2139/ssrn.235759>
- Chenwi, L. (2019). The downfall of the mandatory death penalty in Kenya. *Journal of African Law*, 63(1), 1–24. <https://doi.org/10.1017/S0021855318000281>
- Citizen, T. O. (2022, 9 Oktober). MADPET: Enact and enforce laws repealing mandatory death penalty before Malaysian Parliament is dissolved. The Online Citizen. <https://www.theonlinecitizen.com/2022/10/09/madpet-enact-and-enforce-laws-repealing-mandatory-death-penalty-before-malaysian-parliament-is-dissolved/>
- Dato' Yusaini Amer Abdul Karim, Timbalan Ketua Bahagian, Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan, Jabatan Peguam Negara. Temu bual pada 9 September 2025.
- Ercy Gracella Ajos. (2025, 27 Januari). 80 peratus kes jenayah tahun lalu berjaya diselesaikan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1354482/80-peratus-kes-jenayah-tahun-lalu-berjaya-diselesaikan>.
- Fazrik Kamarudin. (2018, 2 Oktober). Online poll reveals majority of netizens opposed death penalty abolition. *The New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/10/420315/online-poll-reveals-majority-netizens-opposed-death-penalty-abolition>
- Francis Antonysamy Iwn. *Pendakwa Raya* [2005] 2 CLJ 481.

- Harring, S. L. (1991). Death, drugs and development: Malaysia's mandatory death penalty for traffickers and the international war on drugs. *Columbia Journal of Transnational Law*, 29(2), 365–406. https://academicworks.cuny.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1315&context=cl_pubs.
- Harry, A. (2021). Rethinking the Relationship between Women, Crime and Economic Factors: The Case-Study of Women Sentenced to Death for Drug Trafficking in Malaysia. *Laws*, 10(9), 1–26. <https://doi.org/10.3390/laws10010009>
- Hood, R. (2012). *The death penalty in Malaysia: Public opinion on the mandatory death penalty for drug trafficking, murder and firearms offences*. The Death Penalty Project. <https://www.deathpenaltyproject.org/knowledge/the-death-penalty-in-malaysia/>.
- Hood, R., & Hoyle, C. (2015). *The death penalty: A worldwide perspective*. Oxford University Press.
- Iman Muttaqin, & Noah Lee (2023, 27 Mac). Malaysia cadang hapus hukuman mati mandatori dan penjara sepanjang hayat. *BenarNews Malaysia*. <https://www.benarnews.org/malay/berita/my-mati-undang-undang-230327-03272023145350.html>
- Ishay, M. (2004). What are human rights? Six historical controversies. *Journal of Human Rights*, 3(3), 359–371. <https://doi.org/10.1080/1475483042000224897>
- Kanun Keseksan (Akta 574).
- Khairul Naim Rafidi, Peguam cara dan Peguam bela, Messrs Khairul Naim Rafidi. Temu bual pada 31 Julai 2025.
- Khokin Miah lwn. *Pendakwa Raya* [2025] *MLJU* 276.
- Lee Kwan Woh lwn. *Pendakwa Raya* [2009] 5 *MLJ* 301.
- Letitia Bosman lwn. *Pendakwa Raya* [2020] 5 *MLJ* 277.
- Lim Chee Han, Chow Ying Ngeow, & Harchanadevi Arivananthan. (2018). *High incidence of judicial errors in capital punishment cases in Malaysia*. Penang Institute. <https://penanginstitute.org/publications/issues/high-incidence-of-judicial-errors-in-capital-punishment-cases-in-malaysia/>.
- MADPET. (2022, 9 Oktober). *Enact and enforce laws repealing mandatory death penalty before Malaysian Parliament is dissolved*. *The Online Citizen*. <https://www.theonlinecitizen.com/2022/10/09/madpet-enact-and-enforce-laws-repealing-mandatory-death-penalty-before-malaysian-parliament-is-dissolved/>.
- Mohd Helmi Anuar Mohd Kassim lwn. *Pendakwa Raya* [2026] *CLJU* 1285.
- Mohd. Wasim Ali, & Khalid Khan (2024). Abolishing the death penalty: A crucial legal reform in Malaysia's criminal justice and Islamic law. *Manchester Journal of Transnational Islamic Law and Practice*, 20(3), 465–469. <https://www.electronicpublications.org/stuff/1150>.
- Muzammil Quraishi. (2020). *Towards a Malaysian criminology: Conflict, censure and compromise*. Palgrave Macmillan.
- Neumayer, E. (2007). Death penalty: The political foundations of the global trend towards abolition. *Human Rights Review*, 9(2), 241–268. <https://doi.org/10.1007/s12142-007-0044-0>
- Novak, A. (2015). The abolition of the mandatory death penalty in Bangladesh. *Oxford University Commonwealth Law Journal*, 15(2), 237–244.
- Pendakwa Raya* lwn. *Datuk Harun bin Haji Idris* [1977] 1 *MLJ* 15.
- Pendakwa Raya* lwn. *Nur Hidayah bt Abdullah* [2022] 11 *MLJ* 705.
- Pendakwa Raya* lwn. *Kunasegaran Ragavanaidu & Ors* [2021] 9 *CLJ* 266.
- Perlembagaan Persekutuan.

- President's Commission on Law Enforcement and Administration of Justice. (2017). *The challenge of crime in a free society*. U.S. Government Printing Office.
- Purba, N. (2016). Death penalty and human rights perspective. *Journal of Law, Policy and Globalization*, 49, 86–92. https://iiste.org/Journals/index.php/JLPG/article/view/30755#google_vignette
- Rafidah Mat Ruzki, & Mohd Anwar Patho. (2020, 18 Februari). Undang-undang berkaitan dadah dipinda ikut keadaan semasa. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/656789/undang-undang-berkaitan-dadah-dipinda-ikut-keadaan-semasa-pm>
- Ramalinggam Rajamanickam, & Thiyagu Ganesan. (2012). *Pelaksanaan hukuman mati di Malaysia: Sejauh manakah kerelevanannya pada masa kini*. International Conference on Arts, Social Sciences and Technology, Park Royal Hotel, Batu Feringgi, Penang.
- Roma Ajani, Pegawai undang undang, Jabatan Bantuan Guaman Selangor. Temu bual pada 30 Julai 2025.
- Saeid Reza Mohammadi lwn. *Pendakwa Raya* [2016] 4 MLJ 22.
- Segu Alavudin, Rahmath Nisa, & Jal Zabdi. (2014). Hukuman mati: Satu tinjauan dari sudut sejarah perundangan di Malaysia. Dlm. *International Conference on Law, Policy and Social Justice (ICLAPS 2014)* (hlm. 10). Universiti Teknologi MARA.
- Shamrahayu A Aziz (2022, 20 Ogos). Alasan penghakiman jelaskan keadilan ditegak tanpa diskriminasi. *Berita Harian*. <https://api.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/08/992566/alasan-penghakiman-jelaskan-keadilan-ditegak-tanpa-diskriminasi>
- Suhaizad Saifuddin, & Bernard Noel Beneldus. (2025). Perbuatan menggoda pasangan yang berkahwin: Pertimbangan undang-undang dan moral selepas pemansuhan Seksyen 498 Kanun Keseksaan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 37(1), 121–142. [https://doi.org/10.37052/kanun.37\(1\)no6](https://doi.org/10.37052/kanun.37(1)no6)
- Suhaizad Saifuddin, & Intan Shafinaz Mohamadi. (2025). Perlindungan hak tertuduh bagi kes jenayah syariah di Malaysia: Analisis perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 37(2), 311–340. [https://doi.org/10.37052/kanun.37\(2\)no6/](https://doi.org/10.37052/kanun.37(2)no6/)
- Suhaizad Saifuddin, Fatimah Yusro Hashim, Mohd Zamre Mohd Zahir, & Asma Hakimah Ab Halim. (2025). Enforcement of sharia criminal offences in cyberspace: Challenges from Malaysian legal perspective. *Prophetic Law Review*, 7(1), 25–46. <https://doi.org/10.20885/PLR.vol7.iss1.art>.
- Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia. (2023, 16 November). *Death penalty: SUHAKAM applauds government's commitment to restorative justice, urges further reforms for procedural fairness*. https://suhakam.org.my/ms/2023/11/press-statement-no-43-2023_death-penalty-suhakam-applauds-governments-commitment-to-restorative-justice-urges-further-reforms-for-procedural-fairness/?utm_source
- Sunstein, C. R., & Vermeule, A. (2005). Is capital punishment morally required? *Stanford Law Review*, 58(3), 703–750.
- Tali gantung gagal lawan dadah. (2022, 18 Jun). *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/06/853055/tali-gantung-gagal-lawandadah>
- Thaatchayyini Kananatu. (2022). Framing death penalty politics in Malaysia. *International Journal for Crime, Justice and Social Democracy*, 11(3), 57–66. <https://doi.org/10.5204/ijcjsd.2476>
- Zulfaldy Shafieq Ali lwn. *Pendakwa Raya* [2025] CLJU 390.